



# KBS

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

## KAJIAN SEPARUH PENGAL PELAN STRATEGIK KBS 2016 - 2020



@TeamKBS

# PERUTUSAN

## MENTERI BELIA & SUKAN

YB SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL RAHMAN



Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera.

Bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan taufik dan innayahNya jua maka Kementerian Belia dan Sukan dapat menyiapkan **KAJIAN SEPARUH PENGGAL (KSP) PELAN STRATEGIK KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN (KBS) 2016 – 2020**.

KBS merupakan kementerian yang sangat penting dalam memperkasakan anak muda agar menjadi benteng negara dalam mencapai aspirasi dan potensi penuh mereka. Dalam hal ini, KSP Pelan Strategik KBS 2016 – 2020 ini adalah amat penting untuk dihayati dan dijadikan rujukan utama dalam kalangan semua pemegang taruh belia ibarat sebuah kompas yang memandu arah khususnya dalam merangka dan membentuk Malaysia yang lebih cemerlang.

KSP Pelan Strategik KBS 2016 – 2020 ini telah diperhalusi dan ditambah baik dengan mengambil kira pelbagai aspek keperluan pembangunan belia terutamanya dalam memperkasakan anak muda (*Youth Empowerment*) serta memperjuangkan kualiti serta kesejahteraan hidup golongan ini. Penerapan sistem nilai, etika dan moral dalam kalangan anak muda tidak diketepikan malah amat dititikberatkan demi memastikan keharmonian negara terpelihara terutamanya dalam usaha mewujudkan masyarakat berbilang kaum yang bersatu padu. Golongan belia juga akan didekati melalui semua saluran media dan komunikasi strategik demi memastikan tahap keberkesanan program meningkat dan sekaligus mencapai agenda yang hendak dijayakan oleh kementerian.

KBS komited melaksanakan program-program pembangunan belia dan sukan menggunakan pendekatan baharu dan penjenamaan semula program sesuai dengan perkembangan teknologi yang pesat. Usaha dan komitmen kementerian perlulah mendapat sokongan semua pemegang taruh agar pelaksanaan program memberikan *outcome* dan impak yang tinggi dan berjaya sehingga ke peringkat global.

Sehubungan itu, amatlah besar harapan saya agar Pelan Strategik KBS ini dapat direalisasikan dengan jayanya oleh semua. Akhir kata semoga KBS akan terus maju demi masa hadapan belia dan negara Malaysia yang tercinta.

# KATA KATA ALUAN

## TIMBALAN MENTERI BELIA & SUKAN

YB STEVEN SIM CHEE KEONG



Salam Sejahtera.

Syabas dan tahniah kepada Team KBS kerana berjaya menghasilkan buku **KAJIAN SEPARUH PENGGAL (KSP) PELAN STRATEGIK KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN (KBS) 2016 – 2020**.

Dokumen ini amat signifikan dalam memandu hala tuju KBS terutamanya dari sudut pembangunan belia dan sukan di negara ini untuk jangka masa panjang KBS. Seperti ucapan Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir Bin Mohamad, Perdana Menteri dalam pembentangan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia ke-11 di Bangunan Parlimen pada 18 Oktober 2018 yang lalu:

*Jika semua yang terkandung dalam dokumen ini dilaksanakan, saya yakin Malaysia akan mengaum kembali sebagai Harimau Asia*

Begitu jugalah pengharapan saya kepada kalian semua agar dapat menghayati dan menggembeng tenaga untuk menggalas tanggungjawab dan peranan masing-masing dalam usaha memperkasakan belia dan sukan, seterusnya memperolehi manfaat melalui dokumen ini.

KSP Pelan Strategik KBS ini adalah kesinambungan kepada kejayaan yang telah dikecapi oleh KBS dalam mencapai sasaran dan *outcome* yang ditetapkan sehingga 2018 untuk diteladani dan diteruskan pada masa akan datang.

Sehubungan itu, amatlah besar harapan saya agar dokumen KSP Pelan Strategik KBS 2016 – 2020 ini dapat memberikan nilai tambah kepada semua pihak terutamanya yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam memastikan usaha KBS dimanifestasikan melalui tindakan dan direalisasikan melalui penghayatan dalam memartabatkan sukan dan pembangunan belia Malaysia.

Akhir kata, ayuh marilah kita berganding bahu mencipta Malaysia gemilang.

# KATA KATA ALUAN

## KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN BELIA & SUKAN

DR. WAITCHALLA R.R.V SUPPIAH



Salam Sejahtera.

**KAJIAN SEPARUH PENGGAL (KSP) PELAN STRATEGIK KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN (KBS) 2016 – 2020** ini adalah hasil usaha warga Team KBS bagi memastikan penilaian pelaksanaan program dan inisiatif-inisiatif KBS yang dirancang dapat dilaporkan secara rasminya supaya tindakan penambahbaikan berterusan dapat dilakukan dan *outcome* serta impak program sentiasa relevan dalam menjayakan visi dan misi KBS.

Pelbagai usaha telah dilaksana bagi memastikan program yang diilhamkan berimpak tinggi. Kejayaan dan pencapaian KBS sepanjang tahun 2016-2018 begitu mengagumkan, namun KBS perlu sentiasa terbuka dalam mengenal pasti fokus baharu yang lebih segar bagi meremajakan program-program KBS yang akan datang bertepatan dengan aliran terkini selari dengan suara anak muda zaman milenium ini.

Sehubungan itu, dengan terbukanya KSP ini, diharapkan agar KBS akan terus mara ke hadapan, menghasilkan program yang lebih memberi impak kepada masyarakat seterusnya berjaya memartabatkan belia dan sukan melalui strategi-strategi yang telah digariskan berdasarkan indikator-indikator yang telah ditetapkan.

Dengan sokongan padu seluruh warga Team KBS, jabatan, agensi-agensi, persatuan-persatuan belia dan sukan, badan bukan Kerajaan, pemimpin masyarakat, pihak korporat, swasta, media serta keseluruhan masyarakat, saya percaya hasilnya ialah kejayaan yang kita impikan bersama.

Sekian, terima kasih.

# KAJIAN SEPARUH PENGGAL (KSP) PELAN STRATEGIK KBS 2016-2020

PERUTUSAN &  
KATA ALUAN



## RINGKASAN EKSEKUTIF

2

Kajian  
Separuh  
Penggala Pelan  
Strategik  
Kementerian  
Belia dan  
Sukan (KBS)  
2016 – 2020

## PENDAHULUAN

3



## BAHAGIAN I: ..... PENCAPAIAN PROGRAM / PRESTASI 2016-2018

Pencapaian Belia 4

Pengantarabangsaan  
KBS 6

Pemeriksaan  
Kemahiran  
Berlandaskan  
Transformasi ILKBS 8

Cabaran Belia Malaysia 10

Pencapaian Utama  
Sukan 11

Cabaran Sukan Malaysia 14

## BAHAGIAN II: KEUTAMAAN DAN PENEKANAN BAHARU 2019 – 2020 .....

15



## HALA TUJU KAJIAN SEPARUH PENGGAL PELAN STRATEGIK KBS .....

Pemeriksaan Anak  
Muda 16

Kualiti Kesejahteraan  
Hidup 18

Penciptaan Pekerjaan 20

Memperkasa  
Tadbir Urus 22

Ringkasan Kajian KSP 24

## KESIMPULAN .....

25

LENSA KBS

26

LEMBARAN  
LAMAMAN

# VISI

Memperkuhkan dan memaksimakan **potensi modal insan belia** sebagai pemacu pembangunan negara bagi mencapai Wawasan 2020 dan seterusnya pasca 2020.

Merealisasikan pembentukan **Negara Bersukan** dengan membudayakan sukan dalam kehidupan.



# MISI

Merangka perancangan yang komprehensif, memperkenalkan pendekatan yang inovatif, memperkasakan pelaksanaan projek dan program serta memantapkan keupayaan pelaksanaan melalui pengemblengan potensi dan juga bakat dalam **pembangunan belia dan sukan.**

# RINGKASAN EKSEKUTIF

Kajian Separuh Penggal (KSP) Pelan Strategik Kementerian Belia dan Sukan (KBS) 2016 – 2020 merupakan intipati perancangan pelaksanaan program pembangunan berkaitan belia dan sukan menuju Wawasan 2020 dan seterusnya pasca 2020. KSP KBS disediakan bagi menilai keberkesanan pelaksanaan program bagi tahun 2016 – 2018 dan mengenal pasti cabaran dalam mencapai matlamat Dasar Belia Malaysia (DBM) dan Dasar Sukan Negara (DSN). **KSP KBS ini menggariskan hala tuju dan langkah strategik bagi tahun 2019–2020. Sepanjang tempoh 2016 – 2018, pembangunan belia dan sukan telah mencatatkan kejayaan yang membanggakan selaras dengan aspirasi DBM dan DSN.**


Kejayaan menjadi juara Sukan SEA 2017 dengan 145 Emas, 90 Perak dan 86 Gangsa, Naib Juara Sukan Para ASEAN 2017 dengan 90 Emas, 85 Perak dan 83 Gangsa, serta menduduki tangga Ke-12 dalam Sukan Komanwel Gold Coast 2018 dengan penyertaan 178 atlet serta pencapaian 7 pingat Emas, 5 Perak dan 12 Gangsa telah menyemarakkan pembangunan sukan negara. Pencapaian beberapa atlet negara di peringkat antarabangsa seperti atlet angkat berat, Muhammad Azroy Hazalwafie mencatat nama selaku pemenang pingat Emas pertama Malaysia menerusi kategori 56 kilogram, diikuti rakan sepasukan, Muhamad Aznil Bidin yang memenangi kategori 62 kilogram. Gandingan Pandelega Rinong / Cheong Jun Hoong terus cemerlang di kolam renang dengan pingat Emas ketiga dalam acara terjun 10 meter platform seirama adalah antara yang telah meningkatkan lagi kecemerlangan sukan negara.

KBS menerusi 22 Institut Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS) dengan kerjasama industri telah berjaya menyediakan peluang pekerjaan belia. 93% kebolehpasaran graduan ILKBS telah dicatatkan bagi tahun 2018. Selain itu, salah seorang pelajar ILKBS telah memperoleh Pingat Emas (Bidang *Car Painting*) dalam World Skills Asia-Abu Dhabi 2018 iaitu Mohammad Ridzuan bin Wahid dari IKTBN Dusun Tua.

**Pelaksanaan program bagi tahun 2019 – 2020 memberi tumpuan ke arah pembangunan belia dan sukan yang lebih tersusun dan dinamik. Keutamaan dan penekanan berdasarkan empat (4) teras strategik utama iaitu Pemerkasaan Anak Muda, Kualiti Kesejahteraan Hidup, Penciptaan Pekerjaan dan Memperkasa Tadbir Urus.**

Usaha mempersiapkan belia dengan nilai-nilai murni dan kepimpinan serta jati diri yang tinggi untuk menjadi pemimpin negara masa hadapan, mengekang cabaran sosial akan terus diperkasakan menerusi program-program yang lebih dinamik dan inklusif seperti Program Reben Kuning, *Malaysia Future Leaders School Programme (MFLS)*, Felo Perdana dan Program Komuniti Parlimen Belia.

Dalam bidang sukan, KBS akan terus menggembeng komitmen untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara bersukan, di samping cemerlang di temasya sukan antarabangsa. Aktiviti sukan juga akan dipertingkatkan dengan pelaksanaan merentasi kawasan pedalaman dan luar bandar serta kawasan berisiko tinggi menerusi Program Pembangunan Luar Bandar, FitMalaysia, Sukan untuk Wanita dan Veteran dan Sukan Program Perumahan Rakyat (PPR).



# PENDAHULUAN

KSP Pelan Strategik KBS 2016 – 2020 merupakan pecutan terakhir bagi pelaksanaan program pembangunan belia dan sukan bagi tempoh dua tahun terakhir menjelang Wawasan 2020.

KSP KBS ini disediakan berpaksikan KSP Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK 11) bagi menilai keberkesanan pelaksanaan **program pembangunan belia dan sukan bagi tahun 2016 – 2018 dan mengenal pasti cabaran dalam mencapai matlamat Dasar Belia Malaysia (DBM)** iaitu meningkatkan keterlibatan belia sebagai warga bertanggungjawab, menyerlahkan potensi belia berdasarkan keupayaan masing-masing dan memperluaskan akses pembangunan belia mengikut kumpulan sasaran dan sembilan bidang keutamaan DBM.

Pada masa yang sama, **lapan objektif utama** Dasar Sukan Negara (DSN) sentiasa dijadikan asas membangunkan sukan secara inklusif **meliputi budaya bersukan, meluaskan penyertaan dalam kalangan rakyat, meluaskan capaian kemudahan sukan, memperkukuhkan tadbir urus badan sukan, meningkatkan kecemerlangan sukan dan membangunkan industri sukan.**

KSP KBS menggariskan **pelan tindakan bagi tahun 2019 – 2020 berdasarkan kepada prestasi inisiatif yang telah dirancang, Key Performance Indicators dan cabaran yang telah dikenal pasti semasa tempoh pelaksanaan 2016 – 2018.** KSP KBS terbahagi kepada dua bahagian iaitu Bahagian I **melaporkan prestasi keberhasilan terpilih, sasaran dan inisiatif sepanjang tempoh kajian semula, 2016 – 2018.** Sementara itu, Bahagian II melakarkan **hala tuju ke arah pembangunan belia dan sukan yang lebih tersusun dan mapan untuk tahun 2019 – 2020.**

Bagi memastikan pembangunan belia dan sukan bersifat menyeluruh serta memenuhi aspirasi anak muda, empat teras strategik utama akan diberi penekanan iaitu:



**TERAS  
STRATEGIK**

1

Pemeriksaan  
Anak Muda

2

Kualiti  
Kesejahteraan  
Hidup

3

Penciptaan  
Pekerjaan

4

Memperkasa  
Tadbir Urus

# BAHAGIAN I: PRESTASI 2016–2018

## PENCAPAIAN BELIA

**Sepanjang tempoh** 2016 – 2018, dalam usaha memperkukuhkan semangat kesukarelawan dalam kalangan anak muda, KBS dengan kerjasama rakan strategik telah berjaya melaksanakan misi kesukarelawan antarabangsa iaitu melibatkan **307** Sukarelawan Belia Antarabangsa (MYCorps) pada tahun 2018. Program Pembudayaan Keusahawanan turut memupuk pelajar berdikari dan menonjolkan potensi diri ke arah menjadi seorang usahawan berjaya. Selain itu, Pelaksanaan Program Parlimen Belia Malaysia telah berjaya mengasuh kepimpinan anak muda menyantuni komuniti di peringkat akar umbi. Manakala dalam aspek memperkasakan kepimpinan akar umbi dan pertubuhan belia, seramai **6,335** belia telah berjaya diberi latihan kepimpinan dan sebanyak **2,901** pertubuhan belia yang terlibat dengan program pembangunan organisasi.

## Sukarelawan Belia Antarabangsa Malaysia (MYCorps)

**2016**

Capai 143 orang  
Sasaran 100

**2017**

Capai 86 orang  
Sasaran 80

**2018**

Capai 307 orang  
Sasaran 100

## Program Pembudayaan Keusahawanan

**2016**

Capai 3,137 orang  
Sasaran 2,500

**2017**

Capai 1,106 orang  
Sasaran 1,000

**2018**

Capai 116 orang  
Sasaran 110



# Program Kepimpinan

**75%**

Pencapaian bagi Perwakilan Parlimen Belia untuk Program Pembangunan Belia di peringkat akar umbi

KBS telah menyasarkan **70%** bagi Perwakilan Parlimen Belia untuk menganjurkan aktiviti Program Pembangunan Belia di peringkat akar umbi bagi tahun **2016**

**70%**

**85%**

Selain itu, pencapaian belia dalam bidang kepimpinan ini, pada tahun 2018, **85%** atau **117 orang** ahli parlimen belia melaksanakan projek di peringkat akar umbi.

## Millennium Youth

433 orang peserta terlibat



## Program Pencegahan Radikalisme

Capai **2,320** orang

Sasaran **1,400** orang



# PENGANTARABANGSAAN KBS

Di bawah **Teras Pelan Strategik Pengantarabangsaan Belia**, usaha telah dilaksanakan untuk membina jaringan hubungan belia di peringkat antarabangsa. Selain itu, program pengantarabangsaan juga berjaya meningkatkan keyakinan belia negara untuk bersaing di peringkat antarabangsa, dan mengukuhkan kerjasama strategik antara belia-belia serantau. Antara penglibatan pegawai-pegawai KBS di peringkat antarabangsa adalah seperti berikut:-

- *Mesyyuarat the 8th ASEAN Senior Officials Meeting on Youth (SOMY) and Technical Meeting on Development of ASEAN Youth Development Index (YDI) di Siem Reap, Kemboja, 2016.*
- *3<sup>rd</sup> Session of Islamic Conference of Youth and Sports Ministers di Istanbul, Turki, 2016.*
- *The First Task Force Meeting For The Development of ASEAN Youth Development Index (YDI), di Sekretariat ASEAN, Jakarta Indonesia, 2016*
- *2017 Muslim Youth Training Program di Taipei, Taiwan, 2017.*
- *Belia Elit Untuk 2017 Muslim Youth Training Program di Taipei, Taiwan, 2017.*
- *2017 Asean Youth Social Entrepreneurship Award and Conference di Manila, Philippines, 2017.*
- *ASEAN-India Youth Summit di Bhopal India, 2017.*
- *2017 International Conference on Women And Sports APEC Sports Policy Network (ASPN) di Taipei, Taiwan, 2017.*
- *Fifth Regional Workshop on Leadership And Advocacy For The Prevention And Control of Noncommucable Diseases (LEAD-NCD) di Saitama Japan, 2017.*
- *Ni-Hao Taiwan 2017: Study Camp for Future Leaders, 2017.*
- *2017 Taiwan Institute of Diplomacy and International Affairs (IDIA) Summer Program for South East Asian Countries, 2017.*
- *Regional Seminar on Intellectual Property & Sports, 2017.*
- *Asean Seminar on the Promotion Paralympic Movement Towards Asean Community 2015 di Jakarta Indonesia, 2017.*
- *ASEAN Youth Gathering and Japan-East Asia Network of Exchange for Students and Youths (JENESYS) Mini Reunion 2017.*
- *JENESYS2018 Malaysia 3<sup>RD</sup> Culture Japanese Language Communication/Exchange in Japanese Culture di Tokyo, Jepun, 2018.*
- *ASEAN+3 Social Entrepreneurs in Action di Bangkok, Thailand, 2018.*
- *ASIA Youth: Social Contribution for Caring and Sharing Community di Thailand, 2018.*
- *SOMY IX & 8<sup>th</sup> SOMY+3 di Jakarta, Indonesia, 2018.*
- *Panel Sesi Empowerment for Youth And Women- 2018 APEC Workshop on Carreer Development of Sport Talents in Digital Age di Port Moresby, Papua New Guinea, 2018.*
- *Senior Officials Conference on Gender Mainstreaming in ASEAN ASCC pada di Manila, Filipina, 2018.*
- *2018 Muslim Youth Exchange Camp for Southeast Asian Countries di Taipei, Taiwan, 2018.*
- *ASEAN Youth Forum - Social Innovations for SDG's di Bangkok, Thailand, 2018.*
- *ASEAN Young Leaders Training Program di Guangxi, China, 2018.*
- *World Economic Forum on ASEAN 2018 - WEF Minister di Hanoi, Vietnam, 2018.*
- *Japan APEC Workshop di Tokyo ,Jepun, 2018.*
- *2018 Asian Para Games di Palembang, Jakarta, 2018.*
- *3<sup>rd</sup> General Assembly of ICYF-DC di Istanbul, Turkey,2018.*
- *Commonwealth Youth Meeting Taskforce (CYMTF) dan 3<sup>rd</sup> Commonwealth Conference on Youth Work di Malta, 2018.*
- *Asean-Unicef Conference On 21st Century Skills And Young People's Participation di Singapura, 2018.*
- *ASEAN Young Leaders Programme di Kuala Lumpur dan Jakarta, 2018.*
- *Transforming Asia: The Changing Landscape di Bangkok, Thailand, 2018.*
- *6<sup>th</sup> Knowledge Summit di Dubai, Emiriah Arab Bersatu (UAE) , 2018.*

# Program Pertukaran Belia

ASEAN/ ASEAN+1/ ASEAN+3

JENESYS - Japan-East Asia Network of Exchange for Students and Youths

AISEP- ASEAN-India Students Exchange Programme

MALAYSIA – INDONESIA Youth Exchange


Ship for Southeast Asian and Japanese Youth Programme (SSEAYP)

ASEAN ROK-CAMBODIA

KOREAN-MALAYSIA Youth Exchange



# Program Belia



# PEMERKASAAN KEMAHIRAN BERLANDASKAN TRANSFORMASI ILKBS

Penekanan latihan kemahiran TVET telah berjaya memberi impak positif dalam memenuhi keperluan industri. KBS menerusi 22 Institut Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS) dengan kerjasama industri telah berjaya menyediakan peluang pekerjaan belia. ILKBS juga telah berjaya mengukir nama di peringkat antarabangsa sebagai salah satu institusi latihan kemahiran yang mempunyai pencapaian cemerlang pelajar dan membawa pulang pingat untuk negara.

## PENCAPAIAN 2016-2018

### Anugerah Remaja Perdana di ILKBS:

Emas: 1  
Perak: 426  
Gangsa: 3949

**Jumlah:**  
4,376 orang




### 93.0%

Kebolehpasaran graduan Institut Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS)




### 1,436 orang belia

Mendapat pekerjaan melalui program *Bootcamp* dan Skim Latihan Dual Nasional (SLDN) bersama industri



### Anugerah Tangan Emas Ketua Menteri

Bidang Automotif dan pingat Emas bagi bidang *Restaurant Service* di pertandingan *Worldskills* Malaysia Sarawak 2017



### RM 1,400 ke atas

Purata pendapatan bulanan graduan Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN) dan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) tahun 2018



**41** rakan strategik peringkat Nasional dan melebihi **200** rakan strategik peringkat ILKBS seperti Petronas, Gamuda, Samsung SDIEM, DRB Hicom dan sebagainya.



# PEMERKASAAN KEMAHIRAN

## BERLANDASKAN TRANSFORMASI ILKBS

### PENCAPAIAN 2016-2018



**Pingat Emas dan Anugerah Khas** dalam *Creative Invention Contest* kelima bagi Pertandingan Inovasi Antarabangsa dan Kebangsaan 2018.

**Pingat Emas** (Bidang *Car Painting*) dalam *World Skills Asia-Abu Dhabi 2018*- IKTBN Dusun Tua



Memperolehi **14** pingat menerusi penyertaan dalam beberapa pertandingan robot di peringkat kebangsaan (*Robot Sumo Tournament 2018, Malaysian Combat Robot 2018, MJII & UniKL Robofight 2018 dan Roboneo 2018*)



#### **Pingat Emas (Kategori Personal)**

*Face Painting* bertema *Masquerade* dalam Pertandingan *Personal* dan *Cooking* peringkat Kebangsaan 2018, manakala bagi kategori *Cooking* - 23 Pingat (6 pingat emas, 7 pingat Perak dan 10 pingat gangsa) serta 2 Diploma

- IKTBN Bachok
- IKTBN Alor Gajah
- IKTBN Peretak
- IKTBN Kemasik

Memperolehi **Sijil Kecemerlangan** di *Worldskills ASEAN Bangkok 2018* bagi 3 IKTBN iaitu:

- *Restaurant Service* (IKTBN Alor Gajah)
- *Electrical Installation* (IKTBN Bukit Mertajam)
- *Car Painting* (IKTBN Dusun Tua)

**AKBG** berjaya mendapat pengiktirafan dalam membantu menjayakan **3 Kejohanan Golf di peringkat Kebangsaan** dan **5 Kejohanan Golf di peringkat Antarabangsa**

# CABARAN BELIA MALAYSIA

Indeks Belia Malaysia 2017 mendapati empat cabaran utama yang perlu dihadapi oleh golongan belia iaitu ekonomi, teknologi, sosial dan politik. Domain ekonomi telah mencatatkan tahap kurang memuaskan dengan **skor 55.75**. Ini menunjukkan bahawa golongan belia menghadapi kesukaran dalam menjalani kehidupan yang selesa, terutamanya dalam pemilikan rumah dan peluang pekerjaan. Domain Sosialisasi Politik turut mencatatkan tahap kurang memuaskan menunjukkan golongan belia kurang berminat dengan bidang politik. Perubahan landskap umur kelayakan pengundi akan meluaskan suara demokrasi dan meningkatkan peranan belia dalam menentukan hala tuju negara. Revolusi Industri 4.0 dan ketembusan media yang tinggi perlu diimbang dengan jati diri dan sosial belia. Antara cabaran lain belia adalah masalah pelencongan sosial remaja dan penagihan dadah.

## CABARAN BELIA MALAYSIA

### Membina Literasi Politik Belia

- Domain Sosialisasi
- Politik : **50.07 (kurang memuaskan)**
- Pengundi Berdaftar 2017: 7.09juta (21-39 tahun) @ 47.9% Pengundi

### Mengukuhkan Jati Diri Sosial Belia

- Domain Bebas Tingkah Laku Devian : **93.22 skor (sangat memuaskan)**
- Domain Waktu Senggang: **78.86 skor (memuaskan)**

### Mendaya Upaya Ekonomi Belia

- Belia menganggur:
  - 2015 = 422,800
  - 2016 = 469,600
- Pemilikan Rumah (2016) : **28.4%**
- Domain Ekonomi: **55.75 skor (kurang memuaskan)**

### Memperkasa Kemahiran & Teknologi

- Domain Ketembusan Media: **63.31 skor (sederhana)**
- Kebolehpekerjaan Belia (2016): **58.3% tidak bekerja (20-24 tahun)**



# PENCAPAIAN UTAMA SUKAN

Selain pencapaian atlet negara bagi tempoh tahun 2016 sehingga 2018 yang membanggakan di Sukan Olimpik Rio 2016, Sukan SEA 2017, Sukan Para ASEAN 2017, Sukan Komanwel Gold Coast 2018 dan sebagainya, program-program sukan yang dianjurkan oleh KBS telah meningkatkan budaya bersukan dalam kalangan rakyat.

IYRES KBS buat julung kalinya telah melaksanakan Kajian mengenai Indeks Budaya Sukan Malaysia 2018

Pencapaian Skor 53.1  
Sasaran 50

- Seramai 276,379 orang telah terlibat dalam Program Liga Sukan Untuk Semua (LISUS) bagi tahun 2016 – 2018
- Seramai 12,485,407 penyertaan Hari Sukan Negara (HSN) bagi tahun 2016 – 2018
- Seramai 328,303 orang peserta telah turut serta dan terlibat dalam program FitMalaysia bagi tahun 2016 – 2018



- 3 pemain Akademi Bola Sepak Negara Mokhtar Dahari (AMD) mencipta sejarah apabila dijemput untuk mewakili skuad utama Paris Saint-Germain U13 bagi menyertai satu kejohanan tersohor Eropah – V Memorial Giuseppe Augello International Tournament di Rome mulai 21 hingga 24 Jun 2018.
- Tawaran dari kelab seperti Benfica, West Ham United, Lyon, Feyenoord, AZ Alkmaar, Tottenham Hotspur dan beberapa kelab Liga Jepun.

STADIUM BUKIT JALIL

- Stadium of The Year, 2018
- Exterior Lighting Design Award, APPA 2018
- Gold Award, 13th MOSHPA OSH Excellence Award 2017





### Sukan Olimpik Rio De Janeiro 2016

4 Perak, 1 Gangsa

### Sukan Paralimpik Rio De Janeiro 2016

3 Emas, 1 Gangsa

**TARGET:** SEKURANG-KURANGNYA 1 PINGAT EMAS

SUKAN OLIMPIK RIO  
DE JANEIRO 2016

### Sukan Komanwel Gold Coast 2018

7 Emas, 5 Perak, 12 Gangsa  
Kedudukan ke-12

**TARGET:** MALAYSIA SASAR 10 TERBAIK DI SUKAN  
KOMANWEL 2018

SUKAN KOMANWEL 2018





### Sukan Asia Jakarta/Palembang 2018

**7** Emas, **13** Perak, **16** Gangsa  
**Kedudukan ke-14**

### Sukan Para Asia Jakarta/Palembang 2018

**17** Emas, **26** Perak, **25** Gangsa  
**Kedudukan ke-8**

**TARGET:** SEBANYAK **7** PINGAT EMAS

## SUKAN ASIA JAKARTA /PALEMBANG 2018

### Sukan SEA 2017

**145** Emas, **90** Perak, **86** Gangsa  
**JUARA**

### Sukan Para ASEAN 2017

**90** Emas, **85** Perak, **83** Gangsa  
**NAIB JUARA**

**TARGET:** SUKAN SEA KUALA LUMPUR IALAH **111**  
PINGAT EMAS

## SUKAN SEA KUALA LUMPUR 2017



# CABARAN SUKAN MALAYSIA

- Jumlah Fasilitas Sukan KBS: **1,957**
- Peruntukan Pembangunan 2018: **RM401.9juta**
- Projek Pembangunan 2018: **126**

- Penyertaan FitMalaysia:
  - 2016: **136,534**
  - 2017: **80,334**
  - 2018: **111,435**
- Penyertaan Liga Sukan Untuk Semua (LiSUS):
  - 2016: **121,063 (RM3.3juta)**
  - 2017: **24,302 (RM1.5juta)**
  - 2018: **131,014 (RM3.9juta)**

Sukan Berprestasi Tinggi:

- Program: **RM35juta** (2018)
- Pencapaian: Gold Coast 2018 (7 Emas), KL 2017 (144 Emas), Rio 2016 (4 Perak)

## Meningkatkan Profesionalisme Badan Sukan

## Membangunkan Industri Sukan

## Memperluaskan Infrastruktur Sukan

## Menggalakkan Penglibatan & Budaya Bersukan

## Meningkatkan Kecemerlangan Sukan

- Badan Sukan Berdaftar:
  - Kebangsaan: **191**
  - Negeri: **1,300**
  - Daerah: **1,501**
  - Kelab: **6,565**
- Bantuan Badan Sukan:
  - 2016: **RM1.6juta**
  - 2017: **RM555ribu**

Nilai Import-Eksport Barangan Sukan:

- 2015: Import: **RM1.37bilion**, Eksport: **RM370juta**
- 2016: Import: **RM1.84bilion**, Eksport: **RM395.9juta**
- Jumlah Tajaan KL 2017: **RM101juta**



# BAHAGIAN II:

## KEUTAMAAN DAN PENEKANAN BAHARU 2019–2020



Kajian Pelan Strategik KBS bagi tahun 2019-2020 merupakan hasil semakan dan penambahbaikan terhadap Pelan Strategik KBS 2016-2020 yang telah dirancang bagi tempoh 5 tahun.

# 16 TERAS 1 Pemeriksaan Anak Muda

Dalam memperkasakan anak muda, suara anak muda akan diberi ruang dalam menentukan hala tuju dan perancangan organisasi, potensi belia akan digilap sepenuhnya dan diiktiraf. Kepimpinan anak muda diasuh dalam melahirkan belia bertaraf global dan menyantuni komuniti.



## TERAS STRATEGIK

### Pemeriksaan Anak Muda

01

Mengiktiraf, Memperkasa dan Mengangkat Potensi Generasi Muda Terutama Dalam Kepimpinan

02

Memaksima Potensi Belia (#Youthpower)

Pengantarabangsaan Belia

03

- Potensi Belia
- Pengiktirafan Komuniti

Belia Bertaraf Global

# PROGRAM BAHARU

## DI BAWAH PELAN STRATEGIK KBS 2019-2020

**PEMERKASAAN ANAK MUDA** • Mengiktiraf, memperkasa dan •  
• mengangkat potensi generasi •  
• muda terutama dalam kepimpinan •

1

### Program Potensi

- Pengucapan Awam (Debat)
- Suara Anak Muda @ IPT
- Rakan Muda @U (SRM)
- Rakan Muda @ Komuniti
- Rakan Muda Kreatif Inovatif (5 Gaya Hidup)
- Program Bina Insan dan Jati Diri

Belia dipersiapkan dengan nilai-nilai untuk •  
menjadi pemimpin negara

### Malaysia Future Leaders School Programme

2

3

### Program Kepimpinan

- Felo Perdana
- Felo Korporat
- Majlis Perundingan Belia Malaysia
- Parlimen Belia Malaysia
- *Youth Power Club (YPC)*

Malaysia Care •  
**IMPACT** Malaysia •  
Program Komuniti Parlimen Belia •

### Program Kesukarelawanan

4

5

### Global Youth Outreach Program

- MCorps
- *ASEAN+3 Youth Entrepreneurship Program*
- *Youth Exchange and Leadership Program*
- *The Ship for Southeast Asian and Japanese Youth Programme (SSEAYP)*

## TERAS 2

# Kualiti Kesejahteraan Hidup

Meningkatkan tahap kelangsungan hidup dan kesejahteraan menjadi matlamat utama setiap individu, tidak terkecuali belia, kerana mereka merupakan kumpulan yang berpotensi mempengaruhi masa depan sesebuah negara. Sehubungan itu, beberapa faktor harus diambil kira seperti tahap pendidikan, kesihatan dan sumber pendapatan mereka. Maka tahap kelangsungan hidup dan kesejahteraan mereka perlu diberi perhatian sewajarnya.



### TERAS STRATEGIK

## Kualiti Kesejahteraan Hidup

### 01

- Meningkatkan Kualiti Hidup Generasi Muda
- Memperjuang dan Membela Nasib Golongan Muda yang Terpinggir & Tersisih

### 02

Meningkatkan Kualiti Hidup Generasi Muda

Membudayakan Sukan Untuk Kesejahteraan dan Kesepaduan Rakyat

Memperhebat Pembangunan Sukan Berprestasi Tinggi ke Peringkat Antarabangsa

### 03

- Potensi Belia
- Pengiktirafan Komuniti
- Merakyatkan Sukan
- Ekosistem Industri Sukan yang Kondusif dan Berdaya Maju
- Bakat Sukan Peringkat Akar Umbi
- Pelapis Peringkat Tinggi
- Prestasi Atlet Tahap Tinggi
- Transformasi Kejurulatihan dan Kepegawaian Teknikal

# KUALITI KESEJAHTERAAN HIDUP

- Meningkatkan tahap kelangsungan hidup generasi muda
- Menekankan elemen sukan dalam kalangan golongan belia supaya hidup sihat dan aktif
- Memperjuangkan dan membela nasib golongan muda yang terpinggir & tersisih
- Memperkasa Wanita dalam Sukan

## Program Belia

### Belia Berisiko

- Program Reben Kuning (#Peluangkedua)
- Program Ekspresi Anak Muda
- Program Pengukuhan Jati Diri
- Program Angkat Dan Upaya (PADU)

### Program Pembangunan Kerohanian

- Fit Masjid
- Rakan Muda Ramadhan

### Program Kenegaraan

- Sekolah Rukun Negara

## Program Sukan

### FITMALAYSIA

- Program FitMalaysia@ Community
- Karnival Kecergasan

### Program Wanita dalam Sukan

- Sukan Wanita

### Program Sukan Baharu

- Program Pembangunan Sukan Baharu

### Sukan NGO

- Program Kerjasama NGO

### Program Rekreasi Luar

- Rekreasi luar (rekreasi air, darat dan udara)

### Program Sukan Ekstrem

- Sukan Ekstrem (*inline, wallclimbing, skateboarding, BMX*)

### Bulan Sukan Negara

- Bulan Sukan Negara
- Malaysia Sports Challenge

### Program Pembangunan Sukan OKU

- Inspire iTalent iTrain

### Program Pembangunan Sukan Minoriti

- Program Sukan Luar Bandar
- Sukan untuk Wanita dan Veteran
- Sukan PPR

### Program Sukan Elektronik

- E-sports



## TERAS 3

### Penciptaan Pekerjaan

Pasaran kerja kini lebih bersifat dinamik ekoran perubahan pesat dalam penggunaan teknologi terkini dan kepelbagaian keperluan oleh majikan. Keadaan ini telah menimbulkan pelbagai isu dalam pasaran kerja dan dirumitkan lagi oleh prestasi ekonomi negara semasa yang agak sederhana. Penciptaan peluang pekerjaan baharu yang perlahan dilihat tidak senada dengan limpahan graduan dalam pasaran kerja. Justeru, KBS dalam usaha mencipta peluang pekerjaan dan medium yang sesuai untuk generasi muda.



#### TERAS STRATEGIK

### Penciptaan Pekerjaan

01

Mencipta Peluang Pekerjaan Bernilai Tinggi Untuk Generasi Muda & Menyediakan Ekosistem yang Mesra Belia di Pasaran Kerjaya

02

Mentransformasi Kemahiran dan Keusahawanan dalam Meningkatkan Ekonomi Anak Muda

03

- Latihan TVET Memenuhi Permintaan Industri
- Keberkesanan dan Kualiti Latihan TVET
- Kerjasama dengan Agensi dan Industri
- Imej ILKBS sebagai Penyedia Latihan TVET
- Kualiti dan Kesejahteraan Hidup Anak Muda dalam Keusahawanan

## PENCIPTAAN PEKERJAAN

Kemahiran TVET telah melahirkan pelajar berkemahiran yang sangat diperlukan dalam pasaran kerja. Hasilnya **93%** kebolehpasaran graduan Institut Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS) berada dalam bidang masing-masing setelah tamat pengajian. KBS dalam usaha mencipta peluang pekerjaan bernilai tinggi untuk generasi muda & menyediakan ekosistem yang mesra belia di pasaran kerjaya.



## 22 TERAS 4

# Memperkasa Tadbir Urus

Bagi memperkasa tadbir urus, KBS telah melaksanakan beberapa inisiatif antaranya dengan mengamalkan tadbir urus yang baik & berintegriti. KBS telah melancarkan Pelan Integriti KBS antaranya menggariskan perolehan yang telus (*Open Tender*), penempatan Pegawai SPRM di KBS, melaksanakan program *auditing*, pengisytiharan harta Menteri dan Pegawai Pejabat Menteri dan akhir sekali memuktamadkan *Corruption Risk Management* (CRM) dengan kerjasama SPRM.

### TERAS STRATEGIK

## Memperkasa Tadbir Urus

01

- Menambah Baik Tadbir Urus pada Semua Peringkat
- Meningkatkan Integriti dan Akauntabiliti
- Memperkasakan Modal Insan
- Segala Polisi dan Dasar Dipandukan Oleh Fakta, Data dan Kajian

02

Memantap Tadbir Urus ke Arah Organisasi / Persatuan Berprestasi Cemerlang

03

- Fungsi Organisasi dan Tadbir Urus yang Mantap
- Pemerksaan Belia dalam Memantapkan Jaringan Hubungan
- Pengurusan dan Penggunaan Kemudahan Fasilitas Sukan Secara Optimum
- Pemerksaan Penyelidikan dan Penyebarluasan Hasil Kajian
- Penjenamaan dan Pengukuhan Imej KBS
- Penggunaan Teknologi Maklumat dan Digital

- Kajian dan penilaian program pembangunan belia
- Jurnal ilmiah

Kolaborasi antara agensi (Institusi Penyelidikan)

- Pembangunan modul berkaitan profesionalisme kerja bagi Pegawai Belia dan Sukan
- Pelaksanaan *Corruption Risk Management (CRM)*

## MEMPERKASA TADBIR URUS

**1**  
Pemeriksaan Penyelidikan dan Penyebarluasan Hasil Kajian Pembangunan Belia & Sukan

**2**  
Program Pengupayaan Modal Insan KBS

**4**  
Memperkasa Penggunaan Teknologi Maklumat Dan Digital

**3**  
Pelan Komunikasi Strategik

- Memastikan setiap program KBS disertakan dengan Pelan Komunikasi / Media yang komprehensif
- Setiap Program KBS diberi liputan meluas oleh media

- Program Inovasi Sistem Pemarkahan Sukan Bersepadu (I-Games)
- Program Pendigitalan Produk ILKBS

Mewujudkan pangkalan data industri melalui Sistem Emotikon- e-MOU Obligasi Tenaga Kerja Industri (KBS Online)



# RINGKASAN KAJIAN KSP

## PELAN STRATEGIK KBS 2016-2020

Strategi utama bersesuaian dengan mengambil kira perkembangan baharu



**4** Teras Strategik  
**7** Tindakan Strategik  
**21** Bidang Fokus  
**161** Program

**Pemeriksaan Anak Muda**  
**25** Program

- 2 Tindakan Strategik
- 3 Bidang Fokus

- 3 Tindakan Strategik
- 7 Bidang Fokus

**Kualiti Kesejahteraan Hidup**  
**38** Program

- 1 Tindakan Strategik
- 5 Bidang Fokus

**Penciptaan Pekerjaan**  
**29** Program

- 1 Tindakan Strategik
- 6 Bidang Fokus

**Memperkasa Tadbir Urus**  
**69** Program

# KESIMPULAN


Dalam merealisasikan hasrat untuk mencapai kecemerlangan belia dan sukan, usaha-usaha berterusan merentasi kementerian, agensi dan antarabangsa giat dilaksanakan dengan mengambil kira persekitaran masa kini yang semakin mencabar dan kompleks kesan daripada kepesatan teknologi dan ekonomi sedunia.

Kajian Separuh Penggal (KSP) Pelan Strategik KBS 2016 – 2020 melaporkan aktiviti/program/inisiatif yang telah dilaksanakan serta menilai keberkesanan pelaksanaan bagi tempoh separuh penggal pertama dan membuat perancangan bagi tempoh separuh penggal kedua. Dalam tempoh kajian semula, pembangunan belia dan sukan negara mencatat prestasi yang baik walaupun berhadapan dengan persekitaran global yang tidak menentu. Dalam melangkah ke hadapan, pelaksanaan semua inisiatif pembangunan belia dan sukan perlu diperkukuh untuk bertindak balas secara berkesan terhadap cabaran dalam negeri dan global. Keutamaan dan penekanan baharu yang telah diselaras dengan aspirasi Kerajaan baharu bertujuan untuk membina Malaysia baharu yang berpaksikan kepercayaan, ketelusan dan akauntabiliti dalam segala medium. Keutamaan dan penekanan ini akan meletakkan negara setanding negara maju yang lain dengan menghasilkan golongan belia yang berwawasan serta prestasi sukan yang cemerlang.



# LENSA KBS

KEMENTERIAN BELIA & SUKAN





**DITERBITKAN OLEH  
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN (KBS)  
BAHAGIAN DASAR DAN PERANCANGAN STRATEGIK**

Aras 9, Menara KBS, Presint 4  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62570 Putrajaya

**T** 03 88713221    **F** 03 88888763

**[www.kbs.gov.my](http://www.kbs.gov.my)**